



SYIAH

Kebangkitan fahaman Syiah secara meluas di Malaysia bermula dari kemenangan revolusi Islam yang diketuai oleh Ayatullah Al-Khomeini di Iran pada tahun 1979 dan menjadikan Iran sebagai Republik Islam. Atas nama kerajaan Islam itulah rakyat Malaysia telah memberi sokongan tanpa menyedari orang-orang Iran yang berfahaman Syiah telah menyebarkan fahaman mereka dengan meluasnya di Malaysia.

Dalam kitab As-sunnah karya Imam Ahmad b. Hanbal halaman 82, disebutkan mengenai pendapat beliau tentang golongan Rafidhah (syiah):

"Mereka itu adalah golongan yang menjauhkan diri dari sahabat Muhammad SAW dan mencelanya, menghinanya serta mengkafirkannya, kecuali hanya empat orang saja yang tidak mereka kafirkan, yaitu Ali, Ammar, Migdad dan Salman. Golongan Rafidhah (Syiah) ini sama sekali bukan Islam."

Al Khalal meriwayatkan dari Abu Bakar Al Marwazi, katanya: Saya mendengar Abu Abdulloh berkata, bahwa Imam Malik berkata:

"Orang yang mencela sahabat-sahabat Nabi, maka ia tidak termasuk dalam golongan Islam".
(Al Khalal / As Sunnah, 2-557)

PENYELEWENGAN SYIAH

Berikut adalah antara ciri-ciri ajaran Syiah yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah:

1. Imam Adalah Maksum

Syiah meyakini bahawa imam-imam adalah maksum iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan besar dari peringkat kanak-kanak hinggalah meninggal dunia, kedudukan mereka sama seperti nabi-nabi.

2. Kemunculan Imam Mahdi Bersama Orang Yang Telah Mati

Golongan Syiah dikehendaki mempercayai bahawa Allah akan menghidupkan semula orang-orang yang telah mati ke dunia ini bersama-sama Imam Mahadi untuk menghukum orang-orang yang telah melakukan kezaliman seperti Saidina Abu Bakar, Omar, Uthman, Aishah, Hafsa, Muawiah dan lain-lain lagi.

Fakta ini dijelaskan dalam kertas Aqid al-Imamiah oleh Syeikh Muhammad Redha al- Muzaffar, hal 83.

3. Berpura-Pura

Mengikut aqidah Syiah, al-Taqqiyah ialah menunjukkan sesuatu yang boleh membahayakan diri atau harta bendanya dengan melahirkan yang bukan hakikat sebenar dari kandungan hatinya. Al-Taqqiyah ini diamalkan dalam setiap perkara kecuali dalam masalah arak dan menyapu khuf. Perkara ini dijelaskan dalam buku Al-Usul Min Al-Kafi juz 2 oleh Abu Jaafar Muhammad bin Yaakub bin Ishak al-Khulaini al-Razi.

4. Menyanjung Saidina Ali Secara Keterlaluan

Syiah menyanjung Saidina Ali secara berlebihan hingga disamatarafkan dengan Rasulullah. Bahkan dalam beberapa hal Saidina Ali dianggap lebih tinggi lagi. Perkara ini dinyatakan dalam kitab Al-Usul Min Al-Kafi oleh Al Khulaini. Jld.1.Hal. 197

5. Menghalalkan Nikah Mut'ah

Golongan Syiah menghalalkan Nikah Mut'ah. Perkara ini dinyatakan dalam kitab Man La Yahduruhu Al- Faqih oleh Abu Jaafar Muhammad bin Ali bin Hussain Bahawiah Al-Qanuni. Juzu' 1 hal 358.

6. Menambah Syahadah

Golongan Syiah menambah nama Saidina Ali dalam syahadah selepas nama Nabi Muhammad S.A.W. Perkara ini dinyatakan didalam kitab Al-Usul Min Al-Kafi oleh Khulaini, Juzu' 1, hal 441

7. Menolak Hadis Yang Diriwayatkan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah Sekalipun Hadis Mutawatir

Golongan Syiah juga menolak semua hadis yang diriwayatkan oleh golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah walaupun hadis itu sampai kepada darjat mutawatir. Mereka hanya berpegang kepada hadis yang diriwayatkan oleh Ahli Bait sahaja. Pegangan ini disebut dalam buku Aslu Al Syiah Wa Usuluha oleh Muhammad Al Husain Ali Kasyif Al-Ghita', hal 149

8. Menolak Ijmak Ulama'

Golongan Syiah tidak menerima pakai Ijmak Ulama' buktinya mereka menolak perlantikan Khalifah Abu Bakar, Umar dan Uthman. Malah mereka berpegang kepada pendapat-pendapat Imam mereka, kerana ijmak pada mereka adalah kesalahan, sedangkan pendapat Imam adalah maksum. Perkara ini dinyatakan di dalam kitab Mukhtasar al-Tuhfah al-Ithna Asyariyyah oleh Shah Abdul Aziz al-Imam Waliyullah Ahmad Abdul Rahim al-Dahlawi, hal 51

9. Menyeksa Tubuh Badan Sempena 10 Muharam

Golongan Syiah mengadakan upacara memukul dada dan menyeksa tubuh badan sempena 10 Muharam bagi menangi kematian Saidina Husain. Perkara ini dinyatakan dalam kitab al-Syiah Wa al-Tashih al-Sira', Baina al-Syiah wa al-Tasyayu', oleh Doktor Musa al-Musawi. Hal 98:

10. Menghina Isteri-Isteri Nabi

Golongan Syiah juga menghina isteri-isteri nabi. Perkara ini dinyatakan dalam kitab Tuhfah al-'Awam Maqbul oleh Syed Manzur Husain, hal 330.

11. Mengharuskan Jama' Sembahyang Dalam Semua Keadaan

Golongan Syiah mengharuskan jamak sembahyang fardhu iaitu Zohor dan Asar dalam waktu Asar, Maghrib dan Isyak dalam waktu Isyak dalam semua keadaan tanpa sebarang sebab. Perkara ini dinyatakan di dalam buku Minhaj Kebenaran Dan Pendedahan (Fiqh Lima Mazhab diantara Nas dan Ijtihad) oleh al-Hasan bin Yusuf al-Mutahar al-Hilliyah terjemahan Prof Madya Dr. Lutpi Ibrahim(thn. 1993) hal. 36:

Ja'fari: harus menjamakkan diantara sembahyang Zohor dan Asar, Maghrib dan Isyak sama ada di dalam musafir ataupun hadir tanpa sebab.

FATWA BERKAITAN SYIAH

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 May 1996 telah membincangkan Syiah Di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Bersetuju supaya keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa yang telah diadakan pada 24 dan 25 September 1984 [Kertas Bil. 2/8/84, Perkara 4.2. (2)] mengenai aliran Syiah yang menetapkan seperti berikut: "Setelah berbincang dan menimbang kertas kerja ini Jawatankuasa telah mengambil keputusan bahawa hanya Mazhab Syiah dari golongan Al - Zaidiyah dan Jaafariah sahaja yang diterima untuk diamalkan di Malaysia." Dimansuhkan.
2. Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak.
3. Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan

Negeri - Negeri bagi memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri - Negeri hendaklah agama Islam berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak.

4. Memperuntukkan pindaan kepada semua Undang - Undang Negeri dan Hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif hukum Syarak atas Undang - Undang Islam seperti berikut : " Hukum Syarak atau Undang - Undang Islam ertinya Undang - Undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlaq. "
5. Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang - Undang Islam dan demikian penyebaran apa - apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang.
6. Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada undang - undang Islam Hukum Syarak yang berasaskan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja.
7. Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa- apa buku, risalah, filem, video dan lain - lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan.

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sarawak pada 23 November 1996, telah mengambil keputusan dengan sebulat suara bahawa:

Semua Mazhab Syiah dari golongan apapun tidak boleh diterima untuk diamalkan oleh orang Islam di Sarawak.



جَابَاتِن مُفْتِي نِجَرِي سَرَاوَاك
JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK

PENYELEWENGAN SYIAH



Terbitan:

JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK
ARAS 15, MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
LORONG P. RAMLEE 5, OFF JALAN P. RAMLEE
93400 KUCHING, SARAWAK.
Pejabat Am: 082-507500
Fax: 082-507200/507300

Laman web rasmi: <http://www.muftinegeri.sarawak.gov.my>